

MySejahtera Johan Kategori Teknologi sempena Hari Inovasi KKM



DR Noor Hisham (kanan) bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba (dua dari kanan) dan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali (dua dari kanan) pada sambutan Hari Inovasi. FOTO ihsan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

Kuala Lumpur: Bahagian Kawalan Penyakit meraih gelaran Johan Kategori Teknologi dalam Sambutan Hari Inovasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) 2020 menerusi aplikasi MySejahtera.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, aplikasi berkenaan dibangunkan dengan pelbagai fungsi informasi teknologi dalam usaha membendung pandemik Covid-19 di Malaysia.

"Aplikasi MySejahtera adalah 'buah' fikiran Ketua Penolong Pengarah Kanan di Sektor Pengurusan Bencana, Wabak, Krisis dan Kecemasan, Dr A Maheshwara Rao.

"Ini termasuk sokongan padu dari Pengarah Kawalan Penyakit, Datuk Dr Norhayati Rusli serta pasukan di Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, Mysejahtera sudah memenangi beberapa anugerah termasuk Global ICT Excellence Awards-WITSA (World Information Technology and Services Alliance) pada November 2020.

"Selain itu, MySejahtera turut menerima anugerah Quality Service Award Asia 2021 (Gold)-Reader's Digest serta dicalonkan untuk "World Summit Information Society Award 2021.

"Tahniah kepada CPRC dan Pasukan Mysejahtera. Insyallah kita akan terus menambahbaik MySejahtera dalam masa terdekat sebagai aplikasi digital membendung penularan Covid-19 dan pandemik penyakit berjangkit," katanya.

Disiarkan pada: Mac 26, 2021 @ 8:01pm